

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN PERAYAAN JUBLI EMAS RIDA-MARA

TEMPAT : PWTC, KUALA LUMPUR

TARIKH : 03 NOV 2000

MASA :

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana undangan dan peluang yang diberi kepada saya untuk melancarkan secara rasmi Sambutan Perayaan Jubli Emas RIDA-MARA.

2. Sepertimana kita sedia maklum objektif umum RIDA-MARA adalah untuk pembangunan ekonomi orang Melayu melalui bekalan modal, latihan perniagaan, pelajaran dan peluang-peluang untuk melibatkan diri dalam perniagaan dan perusahaan-perusahaan kecil.

3. Memandangkan tanggungjawab dan peranan RIDA agak terhad dan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk memberi sokongan yang berkesan, maka Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama pada 1965 mencadangkan supaya satu majlis yang baru diwujudkan iaitu Majlis Amanah Rakyat atau MARA yang dikanunkan pada 1 Mac 1966.

4. Dengan objektif yang begitu jelas untuk menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera, MARA telah menyusun strategi pelaksanaan melalui program dan aktiviti pembangunan usahawan, latihan dan pendidikan, perindustrian dan perkhidmatan secara bersepadu ke arah pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.

5. Kejayaan dan kemajuan sesuatu kaum atau bangsa bergantung hampir sepenuhnya kepada nilai hidup yang dipegang dan diamalkan oleh kaum itu. Jika nilai hidup ini tidak sesuai, kekayaan sumber alam yang amat tinggi pun tidak akan menjadikan kaum atau bangsa itu berjaya dan makmur. Emas yang berada dalam bumi tidak akan menjadikan bangsa yang memiliki bumi itu kaya melainkan bangsa itu sanggup dan cekap mengeluarkan emas itu, melebur dan membentukkannya supaya menjadi barang kemas yang lebih tinggi nilainya dan memasarkan barangan ini di pasar-pasar yang kaya. Mereka yang tidak sanggup bekerja untuk mengeluarkan logam emas atau hanya menjual tanah atau menyewakannya akan

mendapat bahagian yang kecil sahaja daripada punca kekayaan ini.

6. Sebaliknya ada negara yang tidak mempunyai apa-apa sumber kekayaan semulajadi, tetapi mereka lebih kaya dan makmur kerana kesanggupan mereka berusaha dengan gigih mencari punca kekayaan di tempat orang, mengeluarkan, memproses dan memasarkannya dengan cekap. Mereka ini akan mendapat lebih banyak kekayaan daripada negara dan bangsa yang memiliki tanah yang mempunyai logam emas semulajadi.

7. Kita semua tahu bahawa bijih timah yang terbanyak sekali terdapat di Malaysia tetapi berapa keratkah orang Melayu iaitu tuan tanah asal yang menjadi kaya-raya kerana bijih timah? Yang mendapat kekayaan sedikit daripada sumber alam semulajadi ini ialah mereka yang memajak tanah mereka kepada pengusaha bukan Melayu. Yang mendapat kekayaan yang terbanyak ialah mereka yang mengambil risiko perniagaan dan berusaha dengan gigih untuk mengeluarkan dan memasarkan logam ini.

8. Kenapakah ini berlaku? Sebabnya ialah kerana orang Melayu suka kepada jalan yang mudah. Bukanlah sukar bagi orang Melayu mempelajari cara carigali dan pengeluaran bijih timah. Tetapi oleh kerana kita tidak sanggup menghadapi sedikit risiko dan kerana ingin memperolehi pendapatan serta-merta, maka dijual atau dipajak tanah untuk bayaran tunai. Kemudian pendapatan dibelanja habis dan tuan tanah kembali menjadi orang yang tidak berubah dari dahulu.

9. RIDA ditubuhkan oleh British kerana ingin mengurangkan tentangan orang Melayu terhadap rancangan Malayan Union. Mereka dan orang Melayu juga percaya bahawa masalah orang Melayu hanyalah kekurangan modal. Memanglah benar ini ialah masalah orang Melayu. Tetapi masalah nilai hidup atau budaya orang Melayu adalah masalah yang lebih besar.

10. Modal RIDA hanyalah lima juta Ringgit. Sejak itu dan setelah MARA menggantikan RIDA modal yang diberikan kepada MARA berjumlah berbilion-bilion Ringgit. Cara dan pendekatan untuk menolong orang Melayu dan Bumiputera lain dalam bidang ekonomi telah ditambah sehingga hampir semua bidang mendapat pembiayaan oleh MARA atau agensi dan dana-dana lain. Tetapi prestasi yang dicapai tidaklah setimpal dengan usaha dan peruntukan wang yang diberi. Kadang-kadang kita dapati prestasi menjadi lebih buruk kerana, jika pada mulanya mereka yang ditolong dan dibantu menghargai bantuan yang diberi, hari ini ada yang tidak sama sekali menghargainya, tidak berterima kasih dan tidak bersyukur bahkan menganggap bantuan tidak diperlukan. Sebaliknya ada yang marah kerana pinjaman yang diberi dituntut supaya dibayar balik. Yang amat

malang sekali ialah sikap ini sengaja dipupuk oleh pihak-pihak yang mempunyai kepentingan lain. Bahawa sikap ini yang memburukkan lagi pencapaian orang Melayu tidak dipedulikan. Yang mereka utamakan ialah sasaran puak mereka sahaja. Ada juga pihak yang amat marah jika kelemahan dan kesalahan orang Melayu disebut. Yang disalahkan ialah orang lain dan orang lain inilah yang perlu membetulkan diri mereka. Sementara menunggu itu berlaku kita akan terus dengan amalan-amalan kita.

11. MARA sudah menaja lebih 160,000 orang penuntut di institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negeri sejak tahun 1966 dengan menghabiskan peruntukan lebih kurang lima bilion Ringgit. Lebih 300,000 orang pula telah dilatih dan dididik di institusi-institusi pendidikan MARA di seluruh Malaysia. Ini tidak termasuk lulusan dari UiTM, Kolej Yayasan Pelajaran MARA dan lepasan daripada program Latihan Sambil Kerja di syarikat atau bengkel.

12. Daripada segi kemudahan pembiayaan pula, sejak RIDA ditubuhkan pada 1951 hingga Ogos 2000, sebanyak 1.2 bilion Ringgit pinjaman telah dikeluarkan oleh pihak MARA kepada lebih 129,000 orang. Sebanyak 4,433 unit ruangniaga dan ruang kilang MARA pula disewa kepada peniaga dan pengusaha Bumiputera di seluruh negara. Ratusan ribu pula telah diberi latihan dan bimbingan keusahawanan.

13. Tidak keterlaluan kalau dikatakan hampir setiap orang atau keluarga Melayu/Bumiputera telah, sedang dan akan menerima kemudahan RIDA-MARA sama ada secara langsung atau tidak langsung. Walaupun tiada siapa boleh menafikan bahawa MARA telah banyak menyumbang kepada peningkatan prestasi Bumiputera dalam bidang ekonomi, tetapi pencapaian Bumiputera adalah rendah berbanding dengan usaha dan peruntukan yang diberi. Dalam hampir semua kegiatan ekonomi, Bumiputera masih ketinggalan walaupun selain daripada MARA, agensi-agensi dan dana-dana lain diadakan untuk membantu Bumiputera.

14. Sekarang ini kita kluatir kerana hampir tidak ada kehadiran Bumiputera di pusat-pusat pertumbuhan yang baru. Ini disebabkan kurangnya Bumiputera yang berminat dengan perniagaan runcit. Mereka lebih berminat dengan kontrak-kontrak Kerajaan yang besar yang menjanjikan pulangan yang tinggi dan cepat. Jika ini berterusan, rakyat Malaysia daripada berbagai kaum akan terpisah semula dan keadaan sosial kita akan menjadi tidak sihat. Sebab itu Kerajaan telah memperkenalkan satu projek lagi untuk menggalakkan Bumiputera menjalankan perniagaan runcit di bandar-bandar baru. Pemaju bandar-bandar ini sanggup memberi kerjasama dan mengadakan ruang perniagaan bagi Bumiputera.

15. Tetapi seperti juga dengan projek dan bantuan MARA, kejayaan tidak akan diperolehi secara berkesan melainkan mereka daripada kalangan Bumiputera yang diberi peluang akan menggunakannya dengan baik. Perbuatan menjual baja subsidi atau mengeluarkan wang KWSP untuk komputer tetapi digunakan untuk belanja hangus yang lain, akan mengkhianati usaha Kerajaan yang terbaru ini untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi antara rakyat berbilang kaum di negara kita ini.

16. Sebenarnya tidak ada negara di dunia di mana Kerajaan berusaha begitu bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi rakyat. Lebih-lebih lagi tidak ada negara berbilang kaum di dunia di mana Kerajaan, sama ada dipilih oleh rakyat atau tidak, begitu berusaha untuk mengagihkan kekayaan negara secara saksama dan adil kepada rakyat berbilang kaum.

17. Kita lihat di negara lain di mana usaha ini tidak ada, jarak di antara yang miskin dengan yang kaya, di antara kaum yang miskin dengan kaum yang kaya, menjadi lebih ketara sepanjang masa. Keadaan di Malaysia tidaklah sebegitu, tidaklah semakin buruk. Tetapi perbandingan di antara usaha yang dibuat dan prestasi yang dicapai masih mengecewakan. Oleh itu kita perlu membetulkan sebab-sebab yang mengecewakan ini.

18. Saya sedar saya akan dikecam hebat kerana mendedahkan kesalahan kita orang Melayu dan Bumiputera lain. Tetapi biarlah kecaman ini dilempar daripada melihat kaum bangsa sendiri ketinggalan semakin jauh ke belakang. Adalah tidak bertanggungjawab jika populariti diri diutamakan lebih daripada usaha memperbaiki keadaan dalam masyarakat bangsa sendiri. Secara sampingan ingin saya sebutkan bahawa penuntut lelaki di universiti hanyalah 35 peratus sahaja daripada jumlah penuntut Bumiputera. Perkara ini tidak boleh disebut kerana akan memalukan. Tetapi di manakah perginya penuntut lelaki Bumiputera? Apakah kelulusan mereka rendah atau mereka tidak berminat dengan pelajaran?

19. Ada yang berpendapat bahawa masalah ini boleh diatasi dengan menambah kuota Bumiputera. Apakah kita akan mengambil mereka yang berkelulusan rendah supaya meningkatkan jumlah penuntut lelaki? Jika mereka yang berkelulusan baik sekarang sukar mencapai kejayaan, apakah yang berkelulusan rendah boleh mencapai kejayaan? Sebenarnya jumlah kemasukan tidak penting. Yang penting ialah mereka yang akhirnya mendapat ijazah, terutama ijazah yang tinggi.

20. MARA banyak terlibat dengan pelajaran. Dari peringkat sekolah menengah hingga ke universiti di dalam dan di luar negara, bantuan MARA lah yang

mbolehkan ramai penuntut Melayu dan Bumiputera mendapat pelajaran. MARA boleh berbangga dengan peranannya dalam bidang pelajaran untuk anak Melayu dan Bumiputera. Walaupun demikian ada baiknya jika kita buat bandingan antara mereka yang berpeluang dan berjaya kerana bantuan MARA dengan jumlah yang mungkin mendapat pelajaran ke peringkat yang tinggi tanpa apa-apa bantuan dari MARA tetapi hanya kerana berkelulusan baik dan kemampuan keluarga untuk membiayai pelajaran anak.

21. Bandingan ini adalah baik kerana ia akan memberi gambaran yang sebenar tentang prestasi kita. Sama ada ia boleh menyedarkan kita adalah perkara lain. Akan ada mereka yang akan mempertahankan keburukan ini sebagai satu kebaikan. Tetapi saya percaya tanpa MARA ramai daripada Bumiputera dan orang Melayu yang terkemuka tidak akan ada bersama kita hari ini. Di masa yang sama adalah jelas jika dibandingkan antara usaha yang dibuat dengan hasil yang dicapai, kita tidak boleh terlalu berbangga. Sebaliknya kita patut kecewa.

22. Walaupun demikian kita tidak boleh putus harapan. Usaha kita, usaha MARA mesti diteruskan. Kita masih boleh meningkatkan hasilnya.

23. Saya yakin kita boleh tingkatkannya kerana banyak sudah perkara yang dipercayai tidak mungkin dilakukan oleh kita tetapi telah kita lakukan, dan kita lakukannya dengan cemerlang. Kita tahu kelemahan yang ada pada kita. Justeru itu kita hanya perlu mengubah kelemahan ini dan insya-Allah kita akan mencapai kejayaan. Daripada segi kecerdasan otak kita tidak kurang daripada orang lain. Tetapi otak yang cerdas pun perlu kepada didikan dan latihan untuk ia menjadi cemerlang. Demikian juga dengan kerajinan bekerja. Walaupun asas fizikal sama tetapi jika asas-asas ini tidak digunakan sepanjang masa maka ia tetap menjadi lemah dan tidak dapat digerakkan.

24. Tugas mengangkat martabat dan maruah bangsa mesti dipikul oleh semua pihak, dan tidak hanya MARA dan Kerajaan sahaja. Selama empat setengah abad kita dijajah dan disekat daripada menjayakan diri kita. Kita dihina dan diketepikan seolah-olah kita tidak ada hak sama sekali.

25. Tetapi sekarang kita sudah merdeka. Mungkin 43 tahun merdeka tidak mencukupi untuk mengubah bukan sahaja nasib tetapi juga kemajuan kita. Tetapi kita tidak boleh menyalahkan penjajah lagi ataupun orang lain. Nasib kita adalah di tangan kita. Sementara kita perlu menyerah kepada Allah s.w.t. untuk menentukan berjaya atau tidaknya usaha kita, tetapi kita harus ingat bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri

berusaha mengubahkannya. Jika kita ingin maju kitalah yang perlu berusaha. Setakat ini usaha kita belum mencukupi. Oleh itu kita belum boleh berkata Tuhan tidak mengizinkannya.

26. MARA ialah satu daripada badan utama yang ditugaskan untuk mengubah nasib orang Melayu dan Bumiputera lain di Malaysia. MARA masih relevan. Agenda MARA mesti diteruskan. Insya-Allah, jika usaha yang gigih dan ikhlas dibuat oleh MARA, maka kejayaan akan tercapai juga akhirnya.

27. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Perayaan Jubli Emas RIDA-MARA.